

31 MAR 2000

Razaleigh-Umno

TENGGU RAZALEIGH MINTA ANGGOTA UMNO SOKONG DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

GUA MUSANG, 31 Mac (Bernama) -- Ketua Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah mengajak semua anggota Umno memberi sokongan sepenuhnya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden.

"Mari kita terima barisan baru kepimpinan Umno untuk sama-sama menjadi satu pasukan yang kuat dan kental demi masa depan orang Melayu dan negara yang tercinta," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Gua Musang di sini hari ini.

Beliau berkata semua bahagian yang telah membuat keputusan akur kepada kemahuan Majlis Tertinggi Umno dalam menentukan kepimpinan mereka.

Katanya dengan sokongan bersama, kepimpinan baru itu akan mampu memberi keyakinan baru kepada seluruh rakyat khususnya keyakinan orang Melayu terhadap Umno, agar parti itu terus kuat dan kukuh sepanjang zaman," katanya.

"Semoga Umno di bawah kepimpinan baru ini akan dapat mengukuhkan kestabilan politik yang akan membawa kemajuan ekonomi dan bidang-bidang lain dengan pesatnya," kata Tengku Razaleigh yang turut dicalonkan bertanding bagi kedua-dua jawatan itu pada pemilihan parti Mei ini.

Bagaimanapun, beliau tidak layak bertanding kerana hanya mendapat satu pencalonan bagi jawatan presiden dan dua pencalonan untuk timbalan presiden sedangkan parti menetapkan seseorang calon bagi jawatan presiden perlu mendapat sekurang-kurangnya 50 pencalonan dan bagi jawatan timbalan presiden, 33 pencalonan.

Sehingga semalam, Dr Mahathir mendapat 139 pencalonan dan Abdullah menerima 138 dan melayakkan kedua-dua menang tanpa bertanding.

Tengku Razalieggh berjanji untuk terus membantu pemimpin-pemimpin dan anggota parti yang berjuang untuk Umno.

"Insya Allah dengan sedikit kudrat yang ada pada saya, saya akan terus berkhidmat untuk Umno dan saya sedia membantu sesiapa jua yang berjuang untuk matlamat ini," katanya.

Tengku Razaleigh turut menjelaskan mengenai pendiriannya bahawa beliau tidak ada apa-apa rancangan berhubung kempen merebut jawatan tinggi dalam parti sekarang.

"Prinsip saya kekal untuk melihat bangsa Melayu terus kuat dan negara ini diperintah berdasarkan pemerintahan yang baik. Tanggungjawab saya kekal iaitu untuk berkhidmat kepada orang Melayu dan negara," katanya.

-- BERNAMA

AI BD MAI